

NAMA:

TINGKATAN:

TARIKH:

- 3 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Memanah Pahang bagi tahun berakhir 31 Mei 2019.

Aset dan liabiliti pada 1 Jun 2018	RM
Bangunan kelab (kos)	50 000
Peralatan memanah	42 000
Susut nilai terkumpul bangunan kelab	10 000
Belanja am prabayar	180
Yuran belum terima	1 250
Inventori minuman	525
Tunai di bank	835
Upah belum bayar pekerja minuman	450
Akaun Belum Bayar minuman	125
Yuran belum terperoleh	1 000

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab sehingga tahun berakhir 31 Mei 2019:

Penerimaan:	RM
Yuran Ahli	29 130
Jualan minuman	18 644
Derma untuk pembesaran bangunan kelab	30 000
Pembayaran:	
Belian minuman	6 840
Upah pekerja minuman	4 300
Belian peralatan memanah	5 000
Belanja membaiki peralatan memanah	2 640
Membaiki bangunan kelab	1 750
Pembesaran bangunan kelab	48 500
Belanja am	4 200

Maklumat tambahan:

- i. Kelab mempunyai 120 orang ahli. Yuran bulanan sebanyak RM20 seorang. Yuran 6 orang ahli bagi bulan Mei 2018 tidak dapat dikutip dianggap sebagai lapuk. 15 orang belum menjelaskan yuran bulan Mei 2019 manakala 25 orang telah menjelaskan yuran bulan Jun 2019.
- ii. Belanja am RM4 200 adalah termasuk kadar bayaran minuman berjumlah RM1 350.
- iii. Susut nilai bangunan dikira menggunakan kaedah garis lurus 5% setahun.
- iv. Belanja mesyuarat sebanyak RM150 belum direkod dalam mana-mana buku.
- v. Baki-baki aset dan liabiliti pada 31 Mei 2019:

	RM
Belanja am prabayar	165
Inventori minuman	575
Upah pekerja minuman belum bayar	465
Akaun Belum Bayar minuman	182
Peralatan memanah	40 000

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli. [6 markah]
- (b) Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Mei 2019. [5 markah]
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2019. [11 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2019 dengan menunjukkan bahagian Dana Terkumpul sahaja. [3 markah]

JAWAPAN:

Soalan 3 [25 markah]

(a)

Akaun Yuran Ahli					
2018			2018		
		RM			RM
Jun 1	Yuran belum terima		Jun 1	Yuran belum terperoleh	
2019	Pendapatan dan perbelanjaan		2019	Bank	
Mei 31	Yuran belum terperoleh			Yuran lapuk	
				Yuran belum terima	

[6 markah]

(b)

Kelab Memanah Pahang Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Mei 2019			
		RM	RM
Jualan			
Tolak: Kos jualan			
Inventori Awal			
Belian			
Tolak: Inventori Akhir			
Tambah: Belanja pengendalian			
Kadar bayaran minuman			
Upah pekerja minuman			
Untung minuman			

[5 markah]

(c)

Kelab Memanah Pahang

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2019

Pendapatan	RM	RM
Yuran		
Untung minuman		
Tolak: Perbelanjaan		
Belanja Am		
Susut nilai bangunan		
Belanja mesyuarat		
Susut nilai peralatan memanah		
Yuran lapuk		
Membaiki peralatan memanah		
Membaiki bangunan kelab		
Lebihan		

[11 markah]

(d)

Kelab Memanah Pahang

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2019

Dana terkumpul	RM
Dana terkumpul awal	
Lebihan	
Derma pembesaran bangunan kelab	
Dana terkumpul akhir	

[3 markah]